KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sejarah
Kertas 2
November
2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN : | | | | | | | | | | |

ANGKA GILIRAN : | | | | | | | | | | |

MODUL GEMPUR SPM [SET 1]

SEJARAH
KERTAS 2
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
3. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian B.**
4. *Tuliskan jawapan bagi* **Bahagian A dan B** *pada* **ruangan jawapan** *yang telah disediakan selepas soalan.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** *soalan.*

1. Undang - undang di Melaka.



(a) Apakah kandungan kedua - dua undang - undang di atas?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Mengapakah undang - undang tersebut diperkenalkan?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya rakyat di negara kita tidak mematuhi undang - undang?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Pernyataan yang berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada British.

> Pada 21 Mei 1946, dokumen penyerahan Sarawak kepada kerajaan British ditandatangani oleh Vyner Brooke dengan pihak kerajaan British yang diwakili oleh C.W. Dawson di Astana, Kuching. Pada 1 Julai 1946, upacara penyerahan Sarawak kepada British berlangsung di hadapan bangunan Mahkamah Pangkalan Batu, Kuching. Peristiwa ini dikenali sebagai Hari Penyerahan atau Cession Day sebagai tanda kerajaan British telah menerima penyerahan Sarawak secara rasmi.
>
> Sumber : Ho Hui Ling,"Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British, 1946-1951" dlm. Malaysia dari Segi Sejarah,Bil.29,2001.

(a) Nyatakan dua faktor penentangan penyerahan Sarawak kepada British.

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Mengadakan demonstrasi dan meletakkan jawatan beramai - ramai merupakan antara bentuk penentangan dan bantahan yang dilancarkan oleh penduduk tempatan di Sarawak. Jelaskan bentuk penentangan dan bantahan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah gerakan anti-penyerahan Sarawak tidak berjaya?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Berikut adalah serangkap pantun berkaitan kedaulatan negara.

Bunga raya di dalam dulang,
Daunnya pula dimakan ulat,
Rakyat dibela, pemimpin dijulang,
Malaysia merdeka kekal berdaulat

(a) Apakah yang anda faham dengan ***"Malaysia merdeka kekal berdaulat"***?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan rakyat dan pemimpin untuk mengekalkan kedaulatan negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

"Tidak cukup isu dicetuskan negara luar, rakyat di negara ini sendiri mencetuskan provokasi. Isu sensitif seperti agama dan bangsa turut dimainkan dan perkara sebegini membuka ruang kepada orang luar untuk 'acah-acah bersimpati' dengan nasib melanda negara."

Perpaduan rakyat lemah, gugat kedaulatan negara, Berita Harian 20 Jun 2021

Jelaskan isu yang dihadapi dan kesan kepada negara pada masa kini

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam Perlembagaan di negara kita.

(a) Apakah yang dilaksanakan bagi memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu?

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam memartabatkan bahasa kebangsaan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Penggunaan Bahasa Kebangsaan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B
[60 markah]
Jawab **tiga** *soalan sahaja.*

Tulis jawapan anda pada ruangan jawapan yang disediakan selepas soalan.

5 Tokoh berikut berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Ahli.

Dato' Onn Jaafar

E.E.C Thuraisingam

Lee Tiang Keng

(a) Terangkan apa yang anda faham tentang sistem Ahli. [6 markah]

(b) Huraikan kepentingan sistem Ahli ke arah kemerdekaan negara. [6 markah]

(c) Sistem Ahli telah meyakinkan British bahawa rakyat Tanah Melayu mampu mentadbir negara melalui kerjasama kaum.
Bagaimanakah prinsip kerjasama kaum dapat diteruskan untuk kemajuan negara? [8 markah]

6 Persiapan pemahsyuran kemerdekaan amat terperinci sehingga kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk meraikan hari yang penuh bermakna ini.

(a) Jelaskan persiapan jawatankuasa berikut :

i. Jawatankuasa Persediaan Fizikal [6 markah]

ii. Jawatakankuasa Sambutan [6 markah]

Buruh, nelayan dan juga petani
Gaya hidup kini dah berubah
Anak - anak terasuh mindanya
Lahir generasi bijak pandai
Pakat IT, pakar ekonomi
Jaguh sukan dan juga juatawan
Berkereta jenama negara
Megah menyusur di jalan raya
Alam siber teknologi terkini
Kejayaan semakin hampiri
Biar di kota ataupun desa
Kita semua pasti merasa bangga

Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limpah budi kemakmuran negara
Keranamu nyawa dipertaruhkan
Keranamu rela kami berjuang
Demi bangsa kedaulatan negara

Lagu : Keranamu Malaysia

(b) Lirik lagu Keranamu Malaysia menunjukkan kejayaan negara selepas kemerdekaan dan pelbagai bidang khususnya sosial dan ekonomi. Buktikan kejayaan negara berdasarkan lirik tersebut. [8 markah]

7

Gambar di atas merujuk kepada Mesyuarat Pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877.

(a) Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula sejak tahun 1877. Jelaskan. [4 markah]

> "Sungguhpun perlembagaan itu digubal oleh orang asing, tetapi ia berlandaskan beberapa faktor sejarah Tanah Melayu yang lampau. Ini berlaku kerana Suruhanjaya Reid perlu memberi pertimbangan kepada memorandum yang telah diterimanya dan kenyataan lisan yang telah didengarnya."
>
> Malaysia: Warisan dan Perkembangan: Zainal Abidin Abdul Wahid halaman 38

(b) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan sejarah dan peranan Suruhanjaya Perlembagaan sehingga terhasilnya Perlembagaan Persekutuan 1957. [6 markah]

MALAYSIA AGREEMENT

UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND and FEDERATION OF MALAYA, NORTH BORNEO, SARAWAK and SINGAPORE

Agreement relating to Malaysia (with annexes, including the **Constitutions of the States of Sabah, Sarawak** and **Singapore**, the **Malaysia Immigration Bill** and the **Agreement between the Governments of the Federation of Malaya and Singapore on common market and financial arrangements**). **Signed at London on 9 July 1963.**

Agreement amending the above-mentioned Agreement.

Signed at Singapore on 28 August 1963

Authentic texts of the Agreement: English and Malay.
Authentic text of the annexes: English.
Authentic text of the amending Agreement: English.

Registered by the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland on 21 September 1970.

(c) Perlembagaan Persekutuan pernah melalui dua fasa pindaan yang penting iaitu Pindaan 1963 dan Pindaan 1965.
Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan perbandingan antara pindaan Perlembagaan 1963 dengan pindaan Perlembagaan 1965? [10 markah]

8 Pembentukan Malaysia memperlihatkan kerjasama tokoh dari Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Kesepakatan antara semua pihak akhirnya berjaya membentuk Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963.

(a) Jelaskan konsep gagasan Malaysia. [4 markah]

(b) Huraikan faktor - faktor pembentukan Malaysia. [6 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan di bawah.

> Tidak dinafikan lagi, penubuhan Malaysia yang merangkumi Malaysia, Sabah dan Sarawak telah berjaya membentuk sebuah negara yang aman dan bebas dari pengaruh dan anasir luar khususnya komunis. Komunis adalah musuh utama negara sebelum kemerdekaan dan awal kemerdekaan. Bagi mengelakkan pengaruh komunis terus berleluasa, kerajaan Tanah Melayu pada waktu itu melihat penggabungan Sabah dan Sarawak serta Singapura dapat menyelesaikan masalah ini. Walaupun pengaruh Komunis berlangsung dalam tempoh 1948 hingga 1960, saki-baki komunis masih lagi ada dan ini telah memperkuatkan lagi usaha Tunku Abdul Rahman pada waktu itu untuk menubuhkan Malaysia. Setelah Malaysia ditubuhkan, masalah ini telah dapat diatasi sedikit demi sedikit dan ekoran daripada usaha kerajaan, keamanan telah dapat diwujudkan. Hasilnya sehingga ke hari ini, Malaysia telah menjadi antara negara yang bebas dari pengaruh dan anasir asing. Ini merupakan manfaat yang paling berharga yang telah dinikmati oleh generasi baharu Malaysia kerana dapat hidup dengan aman dan damai. Ini berbeza dengan kehidupan nenek moyang mereka zaman dahulu yang sentiasa hidup dalam ketakutan, kerisauan, kebuluran dan menjadi mangsa kekejaman komunis.
>
> https://news.ump.edu.my/experts/manfaat-penubuhan-malaysia-16-september-1963

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan manfaat yang diperolehi hasil daripada pembentukan Malaysia. [10 markah]

9 Pelibatan Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan telah menonjolkan pelibatan rakyat Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa.

(a) Jelaskan pelibatan rakyat Malaysia dalam krisis kemanusiaan di Palestin. [6 markah]

(b) Terangkan sumbangan Malaysia melalui pelibatan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) dan bentuk bantuan yang disalurkan oleh Malaysia kepada rakyat Acheh dan Sri Lanka. [6 markah]

(c) Pelibatan Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga sekarang sering mendapat pengiktirafan antarabangsa.
Pada pandangan anda, mengapakah negara kita menjadi rujukan, contoh dan teladan kepada negara lain di dunia dalam menangani isu global? [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

RUANG JAWAPAN UNTUK SOALAN BAHAGIAN B
(SILA TULIS NOMBOR SOALAN DENGAN JELAS)